

Usaha Sama

Inisiatif SPOTS®

Menjamin Kemampunan Minyak
Sawit dan Kebolehesanan
dengan Pekebun Kecil di Sabah



500 **pekebun kecil**

**dan penanam kecil-kecilan
disasarkan menerima
sokongan dan pensijilan
menjelang tahun 2020**



Inisiatif SPOTS®

Menyepadukan model pekebun kecil yang menyeluruh untuk menggalakkan kebolehsesanan, pensijilan dan kemampuan dalam rantaian bekalan global.

Projek ini telah dilancarkan oleh rakan kongsi usahasama yang kukuh bagi menyepadukan semua pekebun kecil di Malaysia dalam rantaian bekalan global untuk menggalakkan kebolehsesanan, pensijilan dan kemampuan. Ini adalah kerana dengan menambah baik amalan pertanian dan membina hubungan yang lebih kukuh dengan pasaran global, para pekebun kecil dapat menikmati taraf hidup yang lebih memuaskan.

Dalam rangka kerja dasar pembangunan mampannya iaitu Sharing Beauty with All (Berkongsi Kecantikan dengan Semua), L'Oréal telah berikrar untuk memastikan agar semua bahan mentahnya yang boleh dibaharui akan diperolehi daripada sumber mampan menjelang tahun 2020 dan mengesahkan komitmennya terhadap "penyahhutanan sifar". Menyedari hakikat bahawa sesetengah komoditi pertanian seperti sawit mungkin menyumbang kepada aktiviti penyahhutanan, L'Oréal dan pembekalnya Wilmar, Clariant dan Global Amine telah menyatakan komitmen untuk melaksanakan pelan tindakan khusus berhubung dengan pemerolehan mampan sumber minyak sawit dan bahan terbitan berasaskan sawit dengan meningkatkan ketelusan rantaian bekalan serta menyokong usaha pekebun kecil persendirian untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

100% minyak sawit

yang dihasilkan dalam rangkaian Wilmar di daerah Beluran-Sabah, Malaysia disasarkan akan mematuhi standard RSPO menjelang tahun 2020

Bagi mencapai visinya, rakan kongsi inisiatif ini telah menjalin kerjasama dengan beberapa syarikat termasuk Wild Asia. Wild Asia, sebuah perusahaan sosial di Malaysia, bekerjasama dengan para pekebun kecil untuk memastikan transformasi mereka daripada kebolehesanan kepada pensijilan. Hasil usaha ini adalah untuk memenuhi jangkauan sosial dan alam sekitar rakan global secara berterusan, termasuk memastikan semua kumpulan mematuhi standard RSPO.

20% peningkatan

produktiviti pekebun menjelang tahun 2020



70,000mt minyak sawit diperakui RSPO- menjelang tahun

2020— dan kehidupan yang lebih baik untuk ratusan pekebun kecil di Malaysia



Pelbagai cabaran pelbagai pencapaian

Matlamat kami dan hasil yang dijangkakan

1. Bagi menyokong kumpulan pekebun kecil persendirian dan bagi menyediakan kumpulan ini untuk mendapat dan mengekalkan pensijilan RSPO.

Bagi setiap kilang Wilmar yang disasarkan, Wild Asia akan bekerjasama dengan pekebun kecil dan masyarakat tempatan yang membekalkan buah sawit kepada kilang tersebut. Wild Asia mengenal pasti unit pengurusan atau “kumpulan pengeluar” bagi membentuk sekumpulan pekebun kecil yang sedia bekerjasama. Setiap kumpulan pengeluar akan mematuhi satu set laluan yang telah ditetapkan, di mana sasarannya adalah untuk mematuhi dasar penyahhutan sifar Wilmar, Global Amines, Clariant dan L'Oreal. Sasaran tambahan kumpulan pengeluar ini adalah untuk mematuhi keperluan pensijilan RSPO.

2. Meningkatkan produktiviti dan amalan pengurusan lain yang akan menyumbang kepada penambahbaikan taraf hidup pekebun.

Untuk pekebun kecil, produktiviti atau usaha pengurangan kos adalah faktor pendorong utama terhadap penambahbaikan. Wild Asia bekerjasama dengan rakan kongsi usahasanya untuk mengenal pasti pengurusan khusus yang bersesuaian dengan keperluan tempatan bagi menyokong usaha penambahbaikan ini. Sasarannya adalah untuk meningkatkan produktiviti pekebun sekurang-kurangnya 20% menjelang tahun 2020.

3. Membangunkan mekanisme pemantauan untuk liputan rantaian bekalan serantau yang dapat memberikan maklum balas penting kepada pengeluar dan pemegang saham lain mengenai penunjuk sosial dan alam sekitar (termasuk penyahhutan) dalam kawasan masing-masing.

Mengaplikasikan protokol pemantauan sosial dan alam sekitar untuk 3 kilang Wilmar menjelang tahun 2020.


3 kilang Wilmar

yang mengaplikasikan protokol pemantauan sosial dan alam sekitar menjelang tahun 2020



Bersama-sama, kita mampu membuat perubahan

Usahasama rantai nilai yang unik melibatkan L’Oreal, Wilmar, Clariant / GAC, Wild Asia dan pekebun tempatan.



1. Pekebun Kecil Sabah

Hari ini, 500 pekebun kecil di Sabah telah mengambil bahagian dalam inisiatif SPOTS®. SPOTS® membolehkan pekebun kecil persendirian mencapai penghasilan minyak sawit yang diperakui mampan dengan mengaplikasikan standard RSPO—serta meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup mereka.

2. Wilmar

Wilmar, kumpulan perniagaan tani yang terkemuka di Asia, komited terhadap usaha pertanian mampan melalui Dasar Tiada Penyahhutan, Tiada Gambut dan Tiada Eksploitasi. Wilmar mengiktiraf hakikat bahawa bekalan pekebun kecil adalah penting untuk industri dan bahawa kehidupan jutaan orang bergantung kepada penghasilan minyak sawit. Dasar Wilmar menyokong teguh penglibatan pekebun kecil dalam rantai bekalannya dengan melaksanakan inisiatif bagi memanfaatkan pekebun kecil dan alam sekitar dalam jangka panjang.

3. Global Amines

Syarikat Global Amines, sebuah platform antarabangsa untuk amina lemak dan terbitan amina terpilih, telah ditubuhkan hasil usahasama Wilmar dan Clariant. Kerjasama ini menggandingkan model perniagaan tani bersepadu Wilmar dengan kemahiran teknikal Clariant.

4. Clariant

Clariant, sebuah syarikat yang berasal dari Switzerland, adalah antara syarikat bahan

kimia khusus yang terkemuka di dunia pada masa ini dan merupakan ahli RSPO sejak tahun 2011. Clariant komited terhadap usaha pencarian sumber mampan untuk bahan-bahan berasaskan sawit dengan membangunkan pendekatan kebolehkesanan dan penyahhutan sifar. Clariant membolehkan jalinan kerjasama yang kukuh bagi mencapai dan menyokong keseimbangan sempurna antara kepentingan ekonomi, ekologi dan kepentingan masyarakat.

5. L’Oreal

Sejak tahun 2012, peneraju kosmetik global ini telah membuat 100% belian minyak sawitnya berdasarkan standard RSPO (RSPO SG untuk minyak sawit; B&C dan MB untuk derivatif PO/PKO). Matlamat mereka adalah untuk menggunakan 100% bahan mentah boleh dibaharui daripada sumber yang mampan menjelang tahun 2020 dan untuk menggunakan produk L’Oreal yang tiada kaitan dengan proses penyahhutan selewat-lewatnya menjelang tahun 2020.

6. Wild Asia

Wild Asia, sebuah perusahaan sosial di Malaysia, menyokong pekebun kecil dan penanam kecil-kecilan dengan memastikan agar isu sosial dan alam sekitar dihormati oleh rakan kongsi globalnya. Wild Asia membantu pekebun mencapai dan mengekalkan pensijilan RSPO.

Untuk maklumat lanjut mengenai rakan kongsi usahasama:

L'Oréal: www.loreal.com dan www.sharingbeautywithall.com

Clariant: www.clariant.com

Global Amines: www.globalamines.com

Wilmar: www.wilmar-international.com

Wild Asia: www.oilpalm.wildasia.org

